

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG
KAWASAN : TANJONG PIAI
TARIKH : 6 APRIL 2015, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk pemulihan dan penyelenggaraan cerun setelah pemantauan dan penilaian terhadap cerun yang sering dilanda tanah runtuh.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) di Jabatan Kerja Raya berperanan untuk memantau dan memberikan pandangan dan nasihat teknikal kepada Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan isu-isu cerun di negara ini. Cawangan ini turut melaksanakan kerja-kerja mereka bentuk, penyiasatan forensik, penyenggaraan, khidmat nasihat, kajian dan pembangunan, penyediaan piawaian dan garis panduan cerun.

Pada masa kini CKC telah menjalankan pengumpulan data inventori cerun melibatkan hampir 21,000 kawasan cerun di seluruh negara, iaitu 16,000 cerun di Semenanjung Malaysia, 3,000 cerun di Sabah dan 2,000 cerun lagi di Sarawak. Data inventori ini membabitkan perincian keseluruhan cerun termasuk berisiko tinggi, status struktur tanah, lokasi dan kerja membaik pulih disediakan bagi tujuan pemantauan dan pemetaan kawasan cerun yang perlu diberi perhatian. Usaha pengumpulan inventori cerun ini mampu untuk mengurangkan risiko runtuh dan memudahkan kerja pemuliharaan kawasan berisiko.

Mengenai pendekatan bagi menangani isu pemulihan dan penyelenggaraan cerun yang kerap mengalami kegagalan struktur atau keruntuhan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CKC perlu melaksanakan penyiasatan tapak secara terperinci sebelum menentukan kaedah dan reka bentuk kerja-kerja pembaikan cerun yang bersesuaian. Terdapat pelbagai kaedah penstabilan cerun yang

boleh dilaksanakan di mana ia bergantung kepada kesesuaian dan jenis tanah di kawasan terlibat. Antara kaedah penstabilan cerun yang sering dilaksanakan di negara ini ialah seperti pembinaan tembok penahan konkrit, tembok penahan Gabion, membina sistem perparitan, Rock Bolting/Grouting dan sebagainya. Kaedah pembaikan cerun yang terlibat turut mengambil kira kos peruntukan yang diluluskan oleh agensi Kerajaan berkenaan.

Sekian. Terima kasih.